

Headline	Bekas Pengarah Urusan Bank Rakyat meninggal		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	17 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	120,848	Readership	269,000
Section	Semasa	Color	Full Color
Page No	6	ArticleSize	94 cm ²
AdValue	RM 1,126	PR Value	RM 3,379



Bekas Pengarah Urusan Bank Rakyat meninggal

SHAH ALAM – Bekas Pengarah Urusan Bank Kerjasama Rakyat Berhad (Bank Rakyat), Datuk Kamaruzaman Che Mat, 59, (**gambar**) meninggal dunia pukul 1.45 pagi semalam



di sebuah hospital swasta di sini akibat sesak nafas.

Allahyarham yang berasal dari Kelantan meninggalkan seorang bahu, Datin Umi Salamah Mahali, 59, dan tiga orang anak, Khairul Anwar, 29, Khairul

Amir, 26, dan Khairul Ahmad, 18.

Jenazahnya disemadikan di Madrasah Hidayah, Seksyen 11 di sini sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 sebelum Zuhur.

Allahyarham mula bekerja di Bank Rakyat pada tahun 1982 dan mula dilantik sebagai Pengarah Urusan Bank Rakyat pada 1 Mac 2006.

Beliau meninggalkan Bank Rakyat pada tahun lepas.

Sebagai Pengarah Urusan dan Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat, beliau menganggotai beberapa Jawatankuasa di peringkat Lembaga Pengarah iaitu Jawatankuasa Pembiayaan, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Imbuan dan Jawatankuasa Pencalonan.

Beliau mendapat kelulusan dalam bidang Perakaunan di peringkat diploma daripada Universiti Teknologi Mara.

Bermula 1 April 2008, Allahyarham dilantik sebagai Profesor Adjung Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.